

Optimumkan penggunaan ICT: Tawfiq

Mardinah Jikur

SANDAKAN : Penjawat awam perlu bertindak sebagai barisan hadapan untuk kerajaan dan berusaha menyebarkan perkara-perkara yang baik serta membawa kesejahteraan kepada rakyat.

Ia juga selaras dengan saranan Perdana Menteri kepada penjawat awam semasa Perhimpunan Perdana Perkhidmatan Awam ke-13 iaitu penjawat awam mesti menguasai teknologi hari ini untuk memastikan perkhidmatan awam kekal relevan dengan peredaran masa selain kemahiran baru itu menjadi teras kepada setiap penjawat awam terutama mereka yang berhadapan dengan rakyat secara langsung.

Menteri Belia dan Sukan Sabah, Datuk Haji Tawfiq Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar, berkata, penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) pada tahap yang optimum juga harus dicapai bagi memastikan perkhidmatan dapat diberikan sesuai dengan kehendak dan jangkaan rakyat iaitu perkhidmatan dapat diberikan 24 jam sehari dan 7 hari seminggu.

Katanya, kehadiran secara fizikal ke kaunter-kaunter kerajaan harus diganti dengan akses ke portal dan aduan melalui e-mel manakala pendekatan berterusan di luar waktu urusan perkhidmatan berlaku melalui media sosial.

Beliau berucap merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Agensi Kerajaan Negeri Sabah (AKNS) di Sabah Hotel, di sini, pada Selasa.

Persidangan berkenaan bertemakan 'Harnessing The Youth For Connected Government'.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) yang juga Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Kerajaan Negeri Sabah selaku Pengerusi Penganjur Program, Datuk Joseph Guntavid dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah, Dr. Haji Mingu Haji Juman.

Tawfiq yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Apas, berkata, pengaruh media sosial dan cara bekerja baru juga harus diambil kira dalam menyediakan perkhidmatan awam yang lebih telus dan mesra rakyat.

Katanya, media sosial seperti Facebook dan Twitter serta lain-lain merupakan pengantara yang terbaik dalam menyampaikan perkara-perkara benar tentang kerajaan dan usaha-usaha yang sedang dilaksanakan kerajaan.

"Konsep Cloud Computing dan Bring Your Own Device (BYOD) juga seharusnya sudah mula dilaksanakan dalam perkhidmatan awam," ujarnya.

"Di negeri ini, kita juga seharusnya berbangga kerana konsep Cloud Computing yang telah lama dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah iaitu salah satu menerusi pewujudan pusat data negeri di mana kesemua pelayan (server) telah disatukan dan agensi-agensi kerajaan negeri lain tidak perlu menyelenggara pelayan di tempat sendiri dan kos pembelian serta penyelenggaraan itu dapat diminimumkan," tambahnya.

Dalam pada itu, Tawfiq berkata, suatu budaya kerja yang baru harus dimilakan iaitu bekerja dimana-mana dan pada bila-bila masa sahaja yang bermaksud tidak perlu bekerja sepenuh masa di pejabat tetapi segala data dan maklumat boleh dicapai dimana-mana sahaja.

Beliau peraya kerajaan negeri juga sedang dalam usaha kearah budaya kerja berkenaan.

Sementara bagi BYOD iaitu konsep dimana peralatan ICT bukan lagi satu yang perlu disediakan untuk penjawat awam bagi melaksanakan tugas seharian tetapi hanya dengan seunit telefon pintar atau tablet, tugas rasmi dapat dilaksanakan dengan baik.

"Dengan pelaksanaan-pelaksanaan teknologi ini, usaha mendekatkan kerajaan dengan rakyat menjadi lebih mudah dan seterusnya meningkatkan lagi produktiviti penyampaian sektor awam," katanya.

Tambahnya, penghayatan Cepat, Tepat dan Inovatif (CTI) dan Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi (PCI) seperti diperkenalkan dan disarankan pemimpin negara juga perlu diperkasa dalam penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Ujarnya, beliau yang menjadi pelapis dalam perkhidmatan awam juga perlu bermula dari awam perkhidmatan lagi didedahkan dengan budaya kerja cemerlang, kreatif dan inovatif.

Sementara itu, mengenai beliau, ICT dan perkhidmatan awam, Tawfiq berkata, konsep ICT dan beliau bukan sesuatu yang baru.

"Kerajaan seluruh dunia sedang giat melibatkan ICT dengan beliau dalam pembangunan negara dimana beliau sekarang yang terdiri daripada generasi Y dan lebih hebat lagi generasi Z sememangnya terdedah dengan pengaruh ICT sejak kecil lagi menerusi gadget yang ada," katanya.